

Pemimpin parti, NGO kecewa Pas peralat Islam

Oleh Daud Awang, Noorwati Salleh, Amirullah Andi Nur, Azman Mahmood, Tuan Nazuri Tuan Ismail, Mohd Hamirar Hamid, Johan Afandi dan Asrol Awa

BH 23/6/03

KUALA LUMPUR: Pemimpin parti, kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) di pelbagai peringkat berseutu dengan kenyataan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Pas adalah parti yang memperalatkan Islam hingga sanggup menyalahafsirkan al-Quran demi kepentingan politik sendiri.

Mereka berpendapat, apa yang dilakukan Pas selama ini perlu diperbetulkan.

Ketika menyampaikan ucapan penggulungan terakhirnya pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 kelmari, Dr Mahathir antara lain berkata, Pas bukan parti Islam tetapi parti yang memperalatkan Islam sehingga sanggup menyalahafsirkan al-Quran demi kepentingan politik mereka.

Beliau berkata, setiap parti politik ada kelemahan dan kesalahannya tetapi apabila sesebuah parti politik itu menggunakan nama Islam, tindak tanduk pemimpinnya akan turut dikaitkan dengan Islam dan keadaan itu tidak dapat diterima.

Di MELAKA, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, cabaran utama umat Melayu ketika ini ialah menangkis segala ajaran dan fahaman sempit mengenai agama yang diputarbelitkan Pas.

Beliau yang juga Ketua Menteri berkata, orang Melayu perlu bersatu dan berani menentang fakta yang mengelirukan mengenai agama Islam.

Di KOTA KINABALU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman berkata, pihaknya sentiasa mengingatkan ahli parti serta rakyat mengenai tembelang

pembangkok itu.

Oleh itu, sehingga kini, Pas tidak pernah mendapat tempat di Sabah dalam mana-mana pilihan raya, meskipun menggunakan pelbagai taktik kotor termasuk menghina pemimpin Umno, katanya.

Di Kuantan, pemimpin Umno dan NGO mengakui Pas adalah parti yang sentiasa memperalatkan agama Islam untuk kepentingan parti mereka.

Mereka berkata perbuatan parti pembangkang berselindung di belakang Islam sudah lama berlaku dan berterusan sehingga kini.

Ketua Umno Bahagian Raub, Datuk Shahiruddin Ab Moin, berkata, sebagai contoh, penyokong Pas kurang bergaul dengan mereka yang bukan penyokong parti berkenaan di kampung, sedangkan perbuatan itu menyimpang daripada ajaran Islam sebenar.

"Kita juga mendapat banyak maklum balas, terutama di kawasan Felda mengenai tindakan parti pembangkang mempengaruhi pemikiran rakyat dengan memperalatkan Islam.

"Mereka sanggup melakukan apa saja untuk meraih simpati dan sokongan kepada parti terutama bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya.

Naib Presiden Persatuan Belia 4B kebangsaan, Datuk Faisal Abdullah, berkata Pas memang jelas memperalatkan Islam dalam mengurus dan mentadbir dua negeri yang diperintahnya.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa mengawasi dan memberi kesedaran kepada belia di seluruh negara supaya tidak mudah terpengaruh dengan dakyah pembangkang itu.

"Apa yang penting, belia perlu

mengkaji segala kenyataan yang dibuat pemimpin parti pembangkang supaya tidak terpengaruh atau terpesong daripada ajaran Islam sebenar," katanya.

Di ALOR STAR, Exco Hal Ehwal Agama, Fadzil Hanafi berkata, tindakan Pas menyifatkan parti itu sebagai berlandaskan Islam akan merosakkan imej Islam kerana segala tindakan pemimpinnya membuktikan sebaliknya.

Beliau berkata, Islam menggalakan semua umat bersatu padu, hormati menghormati dan berkasih sayang, tetapi pemimpin Pas pula menanam perasaan benci terhadap ahli Umno.

Di IPOH, kerajaan Perak bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa Pas bukan parti Islam tetapi parti memperalatkan Islam sehingga sanggup menyalahafsirkan al-Quran demi kepentingan politik mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Pendidikan negeri, Datuk Dr Abdul Malek Md Hanafiah, berkata Pas sering melakukan pembo-

hongan sehingga mengeliru dan merosakkan akidah umat Islam.

"Sepatutnya, semua pemimpin Pas melarang ahlinya memaki hamun dan memperlekehkan orang lain sesuai dengan nama Islam yang diletakkan pada nama parti.

"Sebaliknya, pemimpin parti itu menyokong tindakan pengikutnya malah ada antara mereka sewenang-wenangnya menggunakan nama Islam dalam ceramah mereka untuk memburuk-buruk dan menyinggung perasaan orang lain," katanya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya Pas diharamkan berikutan parti itu hanya sebuah parti bersandarkan nama Islam, tetapi tidak mempraktikkannya.

Di KOTA BHARU, Ketua Penerangan Umno Kelantan, Mohd Alwi Che Ahmad, berkata Pas sanggup memperalatkan agama kerana kepentingan politik sehingga mengepikan norma dan nilai Islam sebenar mengikut al-Quran dan hadis.

"Islam tidak mengajar umatnya berpecah-belah, memulau solat Ju-

maat dan mengkafirkan sesama umat, tetapi semua itu dilakukan oleh Pas walaupun ia jelas bertentangan dengan konsep keadilan yang dititikberatkan agama.

"Begitu juga hukum hudud Pas yang berbeza di Kelantan dan Terengganu. Ia sepatutnya sama kalau benar ia berlandaskan undang-undang Islam," katanya ketika dihubungi, semalam.

Di JOHOR, Pengerusi Biro Hal Ehwal Agama Islam Umno Terengganu, Tan Sri Dr Yusof Noor, berkata Pas seharusnya menjaga nama baik Islam dan tidak menyalahgunakannya bagi mengelak tanggapan buruk kepada agama oleh kaum lain di negara ini.

Katanya, kerajaan membenarkan penggunaan nama Islam oleh Pas dengan harapan supaya parti itu melaksanakan ajaran Islam sebenar.

"Bagaimanapun, Pas tidak menunjukkan ia membawa ajaran Islam yang sebenar, sebaliknya menyimpang daripada ajaran Islam," dakwanya semalam.